

# MM2H: Hanya peserta berkualiti dipilih

Syarat itu termasuklah keperluan pemilikan akaun simpanan tetap sekurang-kurangnya RM1 juta

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI

KUALA LUMPUR

**K**erajaan menambah baik syarat-syarat penyertaan bagi program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) bagi memastikan peserta hanya terdiri daripada mereka yang berkualiti dan dapat menyumbang dalam menjana ekonomi negara.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin berkata, syarat itu termasuklah keperluan pemilikan akaun simpanan tetap sekurang-kurangnya RM1 juta.

Katanya, kerajaan juga menetapkan pengeluaran maksimum sebanyak 50 peratus dibenarkan ke atas nilai prinsipal simpanan bagi tujuan pembelian hartanah, kesihatan dan pendidikan anak-anak.

"Pegisytiharan aset cair (peserta) mesti sekurang-kurangnya RM1.5 juta.

"Pendapatan luar negara pula mesti sekurang-kurangnya RM40,000 sebulan," katanya



FOTO: BERNAMA

Hamzah ketika Mesyuarat Penggal Keempat, Parlimen ke-14 di Dewan Rakyat pada Selasa.

menerusi sesi pertanyaan menteri-menteri pada persidangan Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan **Wong Hon Wai (PH-Bukit Bendera)** yang ingin mengetahui sama ada kerajaan akan menyemak semula program MM2H berikutan rungutan komuniti MM2H dan industri ekonomi berkaitan terhadap syarat-syarat baharu yang amat ketat.

Mengulas lanjut, Hamzah berkata, bagaimanapun, pemegang MM2H sedia ada dipertimbangkan ke-longgaran daripada memenuhi dasar baharu tersebut.

Katanya, dasar itu hanya perlu dipenuhi oleh peserta-peserta baharu program berkenaan.

Sementara itu, Hon Wai turut bertanya mengapa kerajaan melaksanakan konsep Satu Negara, Dua Sistem iaitu negeri Sarawak mempunyai dasar MM2H yang liberal berbanding

kerajaan Persekutuan.

Hamzah yang juga Ahli Parlimen Larut memberitahu, berlaku perbezaan polisi program MM2H dan peraturan imigresen antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak disebabkan kedua-dua negeri itu mempunyai peruntukan istimewa.

Ujar beliau, ia seperti yang digariskan Seksyen 64 dan 65 Akta Imigresen 1959/1963 yang menyatakan kemasukan warga asing dan tempoh keberadaan warga asing di kedua-dua negeri itu.

"Justeru, kerajaan Sabah dan Sarawak boleh menyesuaikan syarat penyertaan program ini bagi tujuan mengeluarkan pas lawatan sosial.

"Bagaimanapun, saya akan duduk bersama Sabah dan Sarawak untuk membincangkan tentang program ini bagi menyesaikannya di seluruh negara supaya tak timbul lagi dua syarat berbeza antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak," katanya.